

20/05/2001

Salur derma ke ibu pejabat parti elak politik wang: Dr M

JOHOR BAHRU: "Jika ingin menderma dan sayangkan Umno, salurkan terus ke ibu pejabat parti atau badan perhubungan negeri," nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada ahli dan pemimpin parti.

Presiden Umno berkata, cara itu juga dapat mengelakkan ahli dan pemimpin tertentu daripada tuduhan mengamalkan politik wang dan mengeluarkan derma untuk mendapatkan sokongan bagi jawatan tertentu.

"Kalau kita nak bagi wang kepada Umno, kita bagi kepada ibu pejabat atau badan perhubungan (negeri) dan ibu pejabat atau badan perhubungan boleh agihkan (derma) kepada semua tempat.

"Jadi, kalau kita betul-betul sayang kepada Umno, kita derma kepada Umno, kepada ibu pejabat atau badan perhubungan, dan ibu pejabat atau badan perhubungan akan agihkan kepada semua anggota Umno, tidaklah kepada bahagian sendiri saja.

"Kalau bagi kepada bahagian sendiri saja, mungkin ini dianggap sebagai satu usaha mendapatkan sokongan daripada bahagian untuk jawatan tertentu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-55 di Hotel Eden Garden, di sini, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas alasan diberikan Datuk Abdullah Omar, komputer yang disumbangkan kepada sekolah di Muar adalah satu kerja amal dan bukannya bertujuan mendapatkan sokongan ketika beliau bertanding jawatan Ketua Umno bahagian berkenaan.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi Eksekutif Kentucky Fried Chicken (KFC) Holdings Berhad, dilucutkan daripada jawatan Ketua Umno bahagian itu pada 5 Mei lalu, kerana didapati mengamalkan politik wang.

Mengenai hasrat Abdullah keluar parti jika rayuannya ditolak, Perdana Menteri berkata: "Itu kita kaji dulu, kita tengok sama ada dia nak keluar (parti) atau tidak.

"Saya percaya ahli umno ini kadang-kadang mudah tersinggung sikit... berasa kecewa. Mungkin dia membuat kenyataan agak terlalu cepat, mungkin dia akan fikir semula."

Presiden Umno berkata, parti itu tidak akan tunduk kepada tuntutan atau ugutan pemimpin tertentu kerana Umno serius untuk menghapuskan amalan politik wang.

"Kalau kita tunduk bermakna kita tak serius. Kita memang serius. Tetapi saya fikir orang Umno ini merajuk sekejap saja, dia keluar (Umno) buat parti lain, kemudian dia balik semula.

"Orang Keadilan pun sekarang mula kembali masuk Umno," katanya.

(END)